

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (56)
Tarikh : 24 September 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN IM LAPOR
BERTARIKH 24 SEPTEMBER 2014, RABU – M.S: 25 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **RAIN76 [IMB97900]** berkenaan warga asing yang memiliki dua (2) kad pengenalan.

3. Untuk makluman, menggunakan atau mendapatkan lebih daripada satu kad pengenalan adalah merupakan kesalahan jenayah di bawah Peraturan 25(1)(e) Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan Peraturan – Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007). Sekiranya disabitkan kesalahan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua – duanya sekali.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama **RAIN76** untuk tampil ke JPN yang terdekat untuk memberikan maklumat terperinci agar tindakan siasatan lanjut dapat dilaksanakan oleh pihak JPN. Kerjasama semua pihak dapat membantu membanteras jenayah ini daripada terus berleluasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)